

TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA

Perhimpunan Warga MPSP serta Memperbaharui Ikrar Kakitangan dan Ikrar Kualiti

5 Julai 2011 (Selasa)

Perkarangan Pintu Masuk Lobi Bangunan Ibu Pejabat MPSP

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Hj Rozali bin Mohamud

Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan Warga Kerja MPSP

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi
dan Salam Sejahtera

Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana atas limpah kurniaNya, maka dapat kita bersama-sama pada pagi ini berkumpul dalam Perhimpunan Warga MPSP serta Memperbaharui Ikrar Kakitangan dan Ikrar Kualiti Sempena Perayaan Hari Majlis Yang Ke-37 pada bulan ini.

Kita semua telah memperbaharui ikrar kakitangan dan ikrar kualiti sebentar tadi. Ini bermakna sempena bulan kualiti MPSP ini amat bermakna untuk kita semua menyambung janji dan komitmen untuk melaksanakan tugas kita dengan lebih cemerlang dan tertib, selagi hayat di kandung badan

Sudah 4 bulan setengah saya bersama tuan-puan di MPSP, saya merasa amat bertuah kerana dapat menyelami serba sedikit, hati, perasaan dan semangat berkobar-kobar tuan-puan untuk berubah menjadi insan yang lebih baik.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Hari ini juga adalah merupakan hari pertama saya memberi ucapan di perhimpunan sebegini dengan seluruh Warga kerja MPSP, semenjak saya mengangkat sumpah sebagai Yang DiPertua pada 17 Mac 2011 yang lalu.

Di sini, ingin saya berkongsi pengalaman mengenai beberapa perkara yang perlu diambil perhatian berat oleh setiap kakitangan ;

1) Meningkatkan Disiplin –

Setiap ahli keluarga MPSP hendaklah bekerja sebagai satu pasukan dan berdisiplin serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan tugas yang di amanahkan kepada kita. Disini saya ingin menegaskan bahawa saya amat mementingkan disiplin dalam menjalankan tugas bagi semua staf kita. Yang berdisiplin dan rajin bekerja akan diberi penghargaan dalam pelbagai disiplin. Jikalau kita berfikiran positif, 50% rintangan telah kita atasi, Cuma 50% sahaja perlu kita tangani. Selalunya kita sentiasa berperang dengan minda kita sendiri, memang naluri manusia sentiasa untuk melaksanakan yang terbaik.

Suka saya ingatkan, semua kakitangan perlu memastikan semua urusan berkaitan pentadbiran diuruskan secara bersistematik supaya selaras dengan kehendak Arahan Pentadbiran dan perintah-perintah am kerajaan

Pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan.

Justeru itu saya ingin mengingatkan sekali lagi setiap warga MPSP perlulah berfikiran positif, berdisiplin serta bertanggung jawab dan amanah dalam menjalankan tugas. Kita sendiri yang memohon jawatan kita di MPSP tanpa tekanan dari sesiapa, oleh itu kita mestilah melaksanakan amanah yang diberikan.

Pekerja yang cemerlang sentiasa meningkatkan tahap kecekapan, berinovasi, rajin, produktif, berdisiplin dan berintegriti. Tuan-tuan dan puan-puan adalah aset terpenting bagi MPSP.

Semua kakitangan perlu “take charge” di setiap peringkat dalam kerja masing-masing, tugas harian dan pemantauan berterusan. Saya selalu mengingatkan bahawa setiap peringkat jawatan perlu lah “do it right for the first time”, jangan kita ada sikap bahawa kita ada supervisors, penolong pengarah dan lain-lain untuk menyemak kerja kita. Kita mestilah arif dengan kerja kita dan mempunyai maklumat yang tepat.

“Silo mentality” di dalam jabatan perlu dikikis dan “urgency of work” perlu wujudkan di dalam setiap diri tuan-tuan dan puan-puan. Janganlah kita bertanggung-tanggung dalam menjalankan tugas. Kalau tugas itu boleh dibereskan hari ini, kenapa tunggu esok pagi!. Pemantauan kerja hendaklah dibuat oleh semua peringkat. Sebagai contoh, baru-baru ini kita mendapat aduan dari penduduk bahawa di dalam satu projek, kontraktor yang dilantik telah membuang sampah dan kayu kayan yang ditebang ke dalam parit. Selepas mendapat aduan, kontraktor telah membersihkan, tetapi pembersihan tidak sempurna dan terima satu aduan lagi. Disini, jika pemantauan rapi dibuat, perkara ini tidak akan terjadi.

Konsep “**KERJA**” boleh dijadikan garis panduan bagi memastikan prestasi kerja meningkat agar perkhidmatan atau produk yang ditawarkan sentiasa berkualiti. Secara ringkasnya, konsep ini dapat diterjemahkan seperti berikut :

- Kerjaya* : Menghayati dan menghargai kerjaya yang digalas;
- Empati* : Merasai dan menjiwai kerja yang dilakukan sebagai satu ibadah;
- Rasional* : Sedar akan kerjaya yang dipilih, sesuai dengan minat, kelayakan dan kebolehan diri;
- Jujur* : Jujur terhadap kerja bagi meningkatkan kualiti diri; dan
- Amanah* : Bersikap positif, suka akan kerja yang dilakukan, bertolak ansur dan bertanggungjawab.

➤ **Meningkatkan Punca Kewangan**

Kita hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan punca sumber kewangan terutamanya melalui lesen-lesen, mengutip tunggakan cukai, mempercepatkan dan mempermudah proses kelulusan permohonan-permohonan dan sebagainya. Kita sebagai Warga MPSP perlu bertindak segera terhadap memproses permohonan-permohonan ini kerana ianya akan mendatangkan pendapatan kepada MPSP. Kita tidak seharusnya berlengah-lengah memproses atau membuat keputusan dalam sebarang permohonan kepada MPSP. Di samping berusaha mempertingkatkan pendapatan, kita juga perlu berbelanja dengan berhemah. Kita perlu memantau perbelanjaan kita dan mendapat “Value for money” dalam perkhidmatan yang diswastakan.

➤ **Meningkatkan Kebersihan**

Kebersihan adalah satu matlamat utama MPSP. Oleh itu semua warga MPSP bertanggung jawab dalam memastikan kebersihan kawasan kita. Bagi staf yang

bertanggung jawab secara langsung terhadap kebersihan ini, saya berharap tuan-puan dapat menjalankan tugas dan memantau kontraktor-kontraktor yang kita lantik menjalankan tugas mereka dengan sempurna supaya pembayar cukai berpuas hati dan juga mengurangkan aduan mengenai kebersihan kawasan kita. Tan Sri KSN juga membangkit semasa perjumpaan beliau dengan semua YDP, Dato' Bandar dan Setiausaha iaitu tugas utama PBT ialah SLR- iaitu Sampah, Longakang, Rumput. Kalau kiat dapat melaksanakan SLR ini, maka PBT tersebut akan tersohor. Kita juga mesti menjaga kebersihan premis-premis milik MPSP termasuk tandas awam, pasar-pasar awam, kompleks penjaja dan premis MPSP yang lain.

Untuk makluman semua, kita telahpun mengenalpasti 25 lokasi strategik di Seberang Perai yang boleh di ambil oleh individu-individu, syarikat-syarikat, pemaju, pihak bank, organisasi kerajaan dan swasta untuk projek CSR landskap.

➤ **Memantau Aktiviti Penjaja**

Melalui Bengkel Penjaja yang akan dikendalikan pada 13-14 Julai 2011, semua kakitangan yang terlibat perlu melihat aspek-aspek kebersihan dan susunan yang teratur supaya premis para penjaja yang menjalankan perniagaan sering mendapat tumpuan. Saya ingin mencadangkan juga bagi setiap permohonan lokasi penjaja seperti di pasar malam dan juga pasar Ramadhan perlu memasukkan elemen tatsusunan lot-lot dalam SOP (Standard Operating Procedure) sediaada. Lebih elok, kita menentukan petak-petak niaga supaya semua aspek seperti aliran traffic, kebersihan, dapat di kawal. Kaedah memantau dan mengawal perlu juga dibuat terhadap pertumbuhan penjaja tanpa kebenaran. Program Penguatkuasaan penjaja yang berterusan disediakan.

➤ **Memudahkan Pembangunan**

Bagi setiap permohonan pembangunan, pegawai yang berkaitan seperti OSC, Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan jabatan-jabatan lain yang berkaitan perlu “take charge”. MPSP memerlukan pembangunan yang terancang. Dasar, Garis panduan yang lama perlulah dikaji semula kesesuaiannya. Semua perkara ini hendaklah di ambil kira di dalam penyediaan Deraf Rancangan Tempatan SPU, SPT dan SPS. Desk officer yang terlibat, perlulah “hands on” dan arif dengan cadangan-cadangan di dalam DRT yang disediakan oleh juruperunding. Mengambil petikan ucapan YAB CM “Pulau Pinang adalah merupakan lokasi pilihan pelabur dengan RM12.2 bilion dalam pelaburan pada tahun 2010. Walaupun mempunyai 6% daripada penduduk Malaysia, Pulau Pinang telah menyumbang kepada 36% daripada FDI pada tahun 2010. Dalam erti kata lain, setiap seorang rakyat Pulau Pinang melakukan kerja-kerja yang bersamaan dengan 6 orang rakyat Malaysia”. Tahun ini juga MPSP telah meneriam pelaburan dari Ibedin (Japan) DI Penang Science Park dan Robert Bosch di Batu Kawan di samping pelaburan yang lain. Oleh itu proses pembangunan hendaklah dimudahkan.

➤ **Memantau Aduan**

Aduan yang diterima adalah merupakan mata dan telinga dari masyarakat Seberang Perai perlulah dianggap sebagai maklumbalas positif. Kita dapat maklumat pemantau dengan mms gambar dengan percuma, tanpa kita perlu menghantar staf untuk lawatan tapak dan membayar gaji serta elaun tertentu. Justeru itu kesegeraan atau “URGENCY” untuk mengambil tindakan dan memberi maklumbalas yang bermaklumat perlu dilaksanakan oleh setiap jabatan, jangan ada “sindrom senyap” seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Dr Tiun dalam mesyuarat tempoh hari.

Perayaan Hari Kualiti MPSP pada 23/7/2011

Untuk makluman semua, kemuncaknya Perayaan Hari Majlis Ke-37 ini adalah pada 23 Julai 2011 dengan pelaksanaan program-program yang diatur oleh Majlis dengan penglibatan semua Warga Seberang Perai yang akan dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri. Antara program yang akan dianjurkan melibatkan komitmen kakitangan adalah seperti berikut ;

- **PERTANDINGAN ZON TERBAIK QE/5S**

Amalan Persekitaran Berkualiti. Keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan pengesanan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan. Justeru, untuk meningkatkan motivasi serta semangat kerja berkumpul di kalangan kakitangan, MPSP mengadakan pertandingan Zon Terbaik amalan QE bagi menobatkan jabatan yang didapati mempunyai amalan QE yang cemerlang. Ianya diputuskan melalui audit dalaman yang diadakan dua kali, iaitu pada 23 Jun 2011 dan 5 Julai 2011. Zon terbaik akan menerima piala pusingan yang akan ditempatkan di jabatan berkenaan sehingga audit seterusnya.

- **KAIZEN**

Merupakan istilah dari Jepun yang bermaksud penambahbaikan berterusan . Dengan konsep terbuka bahawa idea penambahbaikan boleh dikemukakan oleh sesiapa sahaja dalam organisasi dari pegawai atasan hinggalah kakitangan bawahan. Ianya bagi menggalakkan sumbangan kreatif oleh kakitangan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti disamping menjimatkan kos. Pada tahun ini MPSP akan memberikan anugerah KAIZEN kepada kakitangan yang telah memberikan sumbangan idea kreatif yang telah mendatangkan impak kepada MPSP. Mereka yang terlibat akan diberikan Sijil Penghargaan dan cenderahati.

- PELANCARAN BALANCE SCORECARD

Balance ScoreCard merupakan alat pengukuran prestasi pengurusan bagi mengimbangi arah tuju organisasi ke arah pencapaian visi dan misi yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi. Pengurusan strategik berpandukan kaedah *Balance Score Card* diterapkan oleh pengurusan MPSP bagi melihat, menterjemahkan visi dan misi MPSP berdasarkan empat perspektif, iaitu kewangan, pelanggan, proses dalaman serta pertumbuhan dan pembelajaran .

Penggunaan *Balance Score Card* dalam konteks ini akan dijadikan sebagai kayu pengukur yang komprehensif bagi pengurusan MPSP menilai kemajuan serta prestasi pencapaian sasaran yang ditetapkan melalui pelaksanaan Program Transformasi MPSP. Keempat-empat perspektif tersebut saling berkait dalam proses untuk merealisasi Program Transformasi MPSP ini.

Sempena Sambutan Hari Majlis MPSP yang ke-37/2011, dokumentasi *Balance ScoreCard* ini yang telah disiapkan akan dilancarkan dan diedarkan kepada Warga MPSP sebagai panduan serta rujukan bagi memastikan strategi yang telah dirancang dilaksanakan melalui pelan tindakan yang telah ditetapkan.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Kejayaan-kejayaan yang telah diraih semasa pengurusan oleh Mantan YDP-YDP yang terdahulu menjadi tanda aras kepada saya sebagai YDP sekarang untuk meneruskan usaha-usaha Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan. Salah satu kejayaan kita, iaitu sistem kewangan MPSP telah menyerlah melalui PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PIHAK BERKUASA TEMPATAN telah terbukti pada 15 Jun 2011 yang lalu, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Saya berharap MPSP boleh terus mengorak langkah dengan penanda aras program LA 21, projek kitar semua dan lain-lain.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Jadi, marilah kita bersama-sama meningkatkan kecemerlangan dalam membawa MPSP ke peringkat antarabangsa. Dalam usaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

untuk “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti mestilah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa. Dalam memastikan kecemerlangan ini dapat diteruskan, Warga Majlis Perbandaran Seberang Perai hendaklah mempunyai pelbagai kemahiran atau “multiple skills” supaya dapat melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan berkesan. Ingin saya tegaskan, penambahbaikan atau “value added” perlu ada dalam diri setiap Warga Majlis Perbandaran Seberang Perai agar dapat memenuhi ekspektasi pelanggan kita khususnya penduduk Seberang Perai.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Justeru, saya juga mengharapkan yang semua kakitangan MPSP, agar sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dan amalan tersebut seharusnya dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kita mestilah berilmu, memiliki kemahiran yang tinggi dan mampu berfikir secara strategik agar sentiasa relevan.

Selain daripada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak seharusnya berkompromi dalam soal ‘INTEGRITI’ kerana perkara ini amat penting untuk dititikberatkan disetiap peringkat dalam MPSP selaras dengan prinsip yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri iaitu prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti & Telus) dan Pelan Transformasi MPSP.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSP dan rakan media kerana dapat menghadiri majlis ini. Majlis seumpama ini merupakan satu platform yang sangat penting di antara pihak Pengurusan dan Warga kerja MPSP untuk menyemarakkan tekad dan memperbaharui azam untuk terus mentransformasikan Seberang Perai menjadi yang terbaik.

Kita perlulah bekerja berlandaskan kepada Prinsip 3S iaitu ;

- SIKAP

Dengan mengubah sikap diri sendiri (dalaman), ia akan mengubah kejayaan kita (luaran). Sikap kita terhadap kerja, masa, wang, kejayaan, orang disekeliling, ilmu dan sebagainya.

- SISTEM

Setiap kerja yang kita laksanakan perlulah mempunyai sistem. Apa yang dimaksudkan sistem adalah SOP yang menjadi panduan dan memudahkan kerja kita. Prosedur kerja adalah rangkaian tata kerja yang saling berkaitan sehingga menunjukkan adanya suatu urutan tahap demi tahap yang harus dikerjakan dalam rangka penyelesaian suatu proses kerja.

- SEMANGAT BERPASUKAN

Semangat berpasukan ialah unsur yang menyatupadukan seluruh kakitangan jabatan dalam menjayakan peningkatan kualiti. Semangat ini dipraktikkan melalui kerjasama, komitmen dan penyertaan kakitangan secara menyeluruh di dalam program-program peningkatan kualiti yang diperkenalkan oleh jabatan.

Tuan-Tuan dan Puan-puan,

Sesungguhnya sebarang kejayaan yang kita kecapai ini tidak dapat direalisasikan tanpa kerjasama yang padu daripada tuan-tuan dan puan-puan.

Jadi, harapan saya sebagai YDP, kepada semua Warga MPSP ;

- 1.Kita perlu mengubah sikap kepada sikap yang positif,
- 2.Mempunyai perasaan bangga menjadi Warga MPSP (sense of ownership, belonging and Pride) bekerja di MPSP,

3. Sentiasa berusaha mencapai Visi MPSP iaitu “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, maka pelaksanaan 6 KRA perlu dilaksanakan.
4. Kita boleh capai kejayaan jika kalau kita hendak, dan kita boleh melakukannya bersama-sama. (We can do it if we want to and I believe we can do it together).

Sekian, terima kasih.

